



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PPP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**22 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**



---

# **KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)**

---

**22 SEPTEMBER 2022 (KHAMIS)**

# 3 syarikat jual minyak masak dalam talian kena tindakan

Kementerian minta orang ramai beri kerjasama salur maklumat

Oleh Samadi Ahmad  
bhnews@bh.com.my

**Putrajaya:** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengambil tindakan ke atas tiga syarikat yang menjual minyak masak secara dalam talian dalam tempoh awal tahun hingga 19 September lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam, dalam kenyataannya semalam berkata, kes itu disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961, membabitkan nilai rampasan berjumlah RM1,564.90

kerana menjual barang yang dalam kawalan tanpa permit.

"Syarikat yang melakukan kesalahan juga boleh disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613)," katanya.

Beliau berkata, KPDNHEP sentiasa memantau aktiviti penjualan minyak masak dalam talian menerusi kerjasama penyedia tapak pasar dalam talian termasuk beberapa yang terkemuka.

#### 55 pemeriksaan

Hasil kerjasama itu, katanya, sebanyak 121 iklan berkaitan penjualan barang kawalan berjadual seperti minyak masak secara dalam talian dinyahturun pada sejak awal tahun ini hingga 19

September lalu.

Dalam tempoh sama, beliau berkata, pihaknya menjalankan 55 pemeriksaan di seluruh negara dan menerima sembilan aduan membabitkan pelbagai kesalahan.

"Antara kesalahan yang dikesan adalah berurusan niaga secara borong dan runcit barang kawalan berjadual itu tanpa lesen yang sah, selain menyimpan minyak masak di tempat yang tidak dilesenkan.

"KPDNHEP tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam penyelewengan barang kawalan seum-

pama ini.

"Jika sabit kesalahan, denda tidak lebih RM1 juta boleh dikenakan terhadap orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat boleh didenda

tidak melebihi RM3 juta.

"Syarikat yang melakukan kesalahan juga boleh disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613).

"Sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah

atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi," katanya.

Azman juga meminta orang ramai untuk menjadi mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama jika mempunyai sebarang maklumat berhubung aktiviti penyelewengan minyak masak.



Azman Adam



Minyak masak paket antara barang kawalan berjadual.

(Foto hiasan)

## JUAL MINYAK MASAK ONLINE

### Awas peniaga! KPDNHEP tidak akan beri muka

**Putrajaya:** Tiada istilah 'beri muka' apabila Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) mengenakan tiga tindakan ke atas pihak yang menjual minyak masak secara dalam talian bermula awal tahun ini.

KPDNHEP menerusi kenyataannya semalam memaklumkan, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 membabitkan nilai rampasan berjumlah RM1,564.90.

Menurutnya, sebanyak 55 pemeriksaan dilakukan di seluruh negara manakala sembilan aduan diterima dalam tempoh sama.

Katanya, KPDNHEP sentiasa melakukan tindakan penguatkuasaan tegas serta pemantauan secara berterusan ke atas aktiviti penjualan barang kawalan berjadual itu secara dalam talian bagi memastikan aktiviti ini dapat dibendung daripada diseleweng pihak yang tidak bertanggungjawab.

"Antara kesalahan dikesan adalah berurusniaga secara borong dan runcit barang kawalan berjadual itu tanpa lesen yang sah dan menyimpan minyak masak di tempat yang tidak dilesenkan," katanya.

Kenyataan itu memaklumkan, KPDNHEP sentiasa memantau aktiviti di-

lakukan secara dalam talian ini melalui kerjasama penyedia tapak pasar secara dalam talian.

Menurutnya, hasil kerjasama itu sebanyak 121 iklan berkaitan penjualan barang kawalan berjadual minyak masak secara dalam talian sudah dinyah-turun pada tahun ini sehingga 19 September lalu.

Katanya, KPDNHEP memberi amaran keras kepada semua peniaga yang berurusan dengan barang kawalan dan bersubsidi terutama minyak masak supaya sentiasa mematuhi undang-undang dikuatkuasakan serta menegakkan Kementerian tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam penyelewengan barang kawalan seumpama ini.

"Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih RM1 juta bagi orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali manakala denda tidak melebihi RM3 juta bagi syarikat.

"Syarikat yang melakukan kesalahan juga boleh disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLA-TFPUAA 2001) (Akta 613)," katanya.

## KPDNHEP pantau penjualan minyak masak secara online

**PETALING JAYA** – Seramai tiga peniaga yang menjual minyak masak secara dalam talian telah dikenakan tindakan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bermula awal tahun hingga Isnin lalu.

Ketua Pengarah Penguat Kuasanya, Azman Adam berkata, kes berkenaan disiasat mengikut Akta Kawalan Bekalan 1961 yang membabitkan nilai rampasan berjumlah RM1,564.90.

Menurutnya, dalam tempoh berkenaan juga sebanyak 121 iklan berkaitan penjualan barang kawalan berjadual minyak masak secara dalam talian telah dinyah turun pihaknya.

"KPDNHEP sentiasa memantau aktiviti penjualan minyak masak dalam talian melalui kerjasama penyedia tapak pasar secara dalam talian seperti Shopee, Lazada, Mudah.my dan Grabmart.

"KPDNHEP tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang didapati terbabit dalam penyelewengan barang kawalan seumpama ini," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah Azman, sekiranya sabit kesalahan, denda maksimum RM1 juta boleh dikenakan terhadap orang perseorangan atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya, manakala bagi syarikat boleh didenda tidak melebihi RM3 juta.



**PEGAWAI KPDNHEP memeriksa alat penstriman android box di sebuah pusat beli-belah di Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur, 15 September lalu.**

"Syarikat yang melakukan kesalahan juga disiasat mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram 2001 (AMLATFPUAA 2001) (Akta 613).

"Sabit kesalahan, mereka boleh dihukum penjara maksimum 15 tahun dan denda tidak kurang daripada lima kali ganda jumlah atau nilai hasil daripada aktiviti haram atau peralatan kesalahan itu pada masa kesalahan itu dilakukan atau RM5 juta, yang mana lebih tinggi," jelasnya.

Dalam pada itu, Azman me-

minta orang ramai untuk menjaga di mata dan telinga kepada pihak berkuasa dengan memberikan kerjasama jika mempunyai sebarang maklumat berhubung penyelewengan minyak masak.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Azman memberitahu, pihaknya berjaya merampas 11 unit alat teknologi penstriman android box dianggarkan berjumlah RM7,500 dalam serbuan sebuah pusat beli-belah di Jalan Bukit Bintang di sini, pada 15 September lalu.

Menurutnya, dalam serbuan tersebut dokumen yang disyaki



**SEBANYAK 121 iklan jualan minyak masak secara dalam talian dinyah turunkan sejak awal tahun sehingga Isnin lalu.**

mengandungi karya hak cipta yang dituntut hak oleh pemilik hak cipta turut dirampas.

"Serbuan pukul 1.30 tengah hari oleh tujuh anggota KPDNHEP Putrajaya dilakukan hasil daripada maklumat pemilik hak cipta serta risikan awal oleh pihak KPDNHEP selama beberapa hari sebelum itu.

"Serbuan di buat ke atas dua premis berasingan yang terletak dalam pusat beli-belah tersebut yang menjual 'android box', ujarnya.

Mengulas lanjut, Azman berkata, dua individu tempatan

berumur lingkungan 20-an yang mengaku sebagai pemilik dan pekerja di premis terbabit telah ditahan untuk siasatan.

"Mereka disyaki melakukan kesalahan di bawah seksyen 43AA Akta Hak Cipta 1987 iaitu melakukan pelanggaran hak cipta dalam apa-apa karya dengan menjual suatu teknologi penstriman.

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak kurang daripada RM10,000 dan tidak melebihi RM200,000 atau penjara tidak melebihi 20 tahun atau kedua-duanya," katanya.

Beri alasan hidangan dijual berbeza, harga bahan mentah bertukar setiap hari

## 'Ramai peniaga tak pamer tanda harga'

Oleh NORHAFIZAN ZULKIFLI

**KUANTAN** - Harga berbeza setiap hari dan juadah yang bertukar-tukar antara alasan peniaga kedai makan di negeri ini tidak meletakkan tanda harga pada juadah jualan mereka.

Berdasarkan tinjauan *Kosmo!* di beberapa daerah seperti Kuantan, Temerloh dan Jerantut mendapati, masih terdapat ramai peniaga yang tidak meletakkan tanda harga khususnya bagi hidangan lauk pauk.

Keadaan itu menyebabkan pelanggan berasa bimbang ditipu peniaga tidak bertanggungjawab apabila peniaga secara suka hati meletakkan harga tanpa sebarang panduan.

Seorang pelanggan Siti Hozam Omar, 58, berkata, sebagai pembeli, ketiadaan tanda harga pada makanan yang dijual mem-

buatkan dirinya ragu-ragu untuk membeli makanan berkenaan.

"Kita rasa serba salah hendak ambil. Takut mahal, jadinya kita pilih sahaja juadah yang kita tahu harganya pasti murah.

"Kalau hendak ambil juadah seperti udang, sotong dan lain-lain memang dapat rasakan ia mahal, kecuali kalau peniaga letak tanda harga, bolehlah kita buat kira-kira harga yang perlu dibayar," katanya.

Luahan sama disuarakan, Izat Amir, 40, apabila dia terpaksa membayar harga yang tinggi bagi seketul ikan patin tempoyak ketika makan di sebuah kedai berhampiran sebuah hospital di Kuantan baru-baru ini.

Dia yang sering memilih juadah patin tempoyak berkata, harga biasa bagi seketul patin sangkar yang dimasak gulai tempoyak biasanya paling tinggi adalah

RM16 tetapi di kedai berkenaan ia meletakkan harga sehingga RM25 seketul.


"Saya ingat paling tinggi pun dalam RM16 tetapi apabila ditanya pemilik kedai menyatakan RM25 walaupun saiznya agak kecil, memang terkejut juga, mulanya ingat salah kira tetapi itulah harga yang perlu dibayar kata peniaga berkenaan," ujarnya.

Sementara itu, seorang peniaga yang enggan dikenali berkata, dia tidak meletakkan tanda harga pada makanan kerana juadah yang dijual bertukar-tukar setiap hari dan harga adalah berbeza berdasarkan harga bahan mentah diperolehi mereka.

"Kadang-kadang bergantung kepada kuantiti makanan yang diambil oleh pelanggan, kalau pelanggan tidak pasti, mereka boleh bertanya kepada kami," ujarnya.



HIDANGAN lauk pauk yang tidak diletakkan tanda harga di sebuah kedai makan di Kuantan sehingga mengelirukan pengguna.

 Senarai Harga Barang Keperluan	Ayam <b>RM7.49</b>	Telur Gred A <b>RM13.05</b>	Gula Pasir <b>RM2.85</b>	Cili Merah <b>RM11.99</b>
	Daging Lembu Tempatan <b>RM38</b>	Ikan Kembung <b>RM9.99</b>	Bawang Besar Holland <b>RM3.50</b>	Kubis Bulat Tempatan <b>RM4</b>
	Daging Lembu Import <b>RM53.90</b>	Minyak Masak <b>RM6.70</b>	Bawang Putih <b>RM4.99</b>	Tepung Gandum <b>RM2.60</b>
				<small>*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP</small>

**BERITA ONLINE BERTARIKH 22 SEPTEMBER 2022**

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
22-Sep	11 android box bernilai RM7,500 dirampas	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/11-android-box-bernilai-rm7500-dirampas/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/11-android-box-bernilai-rm7500-dirampas/</a>	UM
22-Sep	KPDNHEP serbu premis jual 'android box'	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/09/21/kpdnhep-serbu-premis-jual-">https://www.kosmo.com.my/2022/09/21/kpdnhep-serbu-premis-jual-</a>	KOSMO
22-Sep	Dua premis jual android box diserbu KPDNHEP	<a href="https://malaysiagazette.com/2022/09/21/dua-premis-jual-android-box-">https://malaysiagazette.com/2022/09/21/dua-premis-jual-android-box-</a>	MALAYSIAGAZETTE
22-Sep	KPDNHEP rampas 11 android box bernilai RM7,500	<a href="https://utusan.com/2022/09/21/kpdnhep-rampas-11-android-box-bernilai-rm7500/">https://utusan.com/2022/09/21/kpdnhep-rampas-11-android-box-bernilai-rm7500/</a>	UMTV
22-Sep	KPDNHEP serbu premis jual 'android box '	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/47333-kpdnhep-serbu-premis-jual-android-box">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/47333-kpdnhep-serbu-premis-jual-android-box</a>	BERITARTM
22-Sep	JUAL MINYAK MASAK DALAM TALIAN KPDNHEP AMBIL TINDAKAN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/09/1002842/jual-minyak-masak-dalam-talian-kpdnhep-ambil-tindakan">https://www.google.com/amp/s/www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2022/09/1002842/jual-minyak-masak-dalam-talian-kpdnhep-ambil-tindakan</a>	BH
22-Sep	121 iklan minyak masak dalam talian diturunkan	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/09/21/tiga-kes-jualan-minyak-masak-dalam-talian-diambil-tindakan/">https://www.kosmo.com.my/2022/09/21/tiga-kes-jualan-minyak-masak-dalam-talian-diambil-tindakan/</a>	KOSMO
22-Sep	AWAS PENJUAL MINYAK MASAK DALAM TALIAN	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/884019/awas-penjual-minyak-masak-dalam-talian">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/884019/awas-penjual-minyak-masak-dalam-talian</a>	HM
22-Sep	KPDNHEP, platform e-dagang bekerjasama bendung penjualan minyak masak dalam talian	<a href="https://selangorkini.my/2022/09/kpdnhep-platform-e-dagang-bekerjasama-bendung-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/">https://selangorkini.my/2022/09/kpdnhep-platform-e-dagang-bekerjasama-bendung-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/</a>	SELANGORKINI
22-Sep	KPDNHEP, platform e-dagang bekerjasama bendung penjualan minyak masak dalam talian	<a href="https://www.melakahariini.my/kpdnhep-platform-e-dagang-bekerjasama-bendung-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/">https://www.melakahariini.my/kpdnhep-platform-e-dagang-bekerjasama-bendung-penjualan-minyak-masak-dalam-talian/</a>	MELAKAHARINI

22-Sep	KPDNHEP TIGA KES KESALAHAN JUAL MINYAK MASAK DALAM TALIAN SETAKAT SEPTEMBER 2022	<a href="https://dayakdaily.com/kpdnhep-tiga-kes-kesalahan-jual-minyak-masak-dalam-talian-setakat-september-2022/">https://dayakdaily.com/kpdnhep-tiga-kes-kesalahan-jual-minyak-masak-dalam-talian-setakat-september-2022/</a>	DAYAKDAILY
22-Sep	121 iklan minyak masak di Lazada, Shopee, Mudah.my dinyahturun	<a href="https://m.malaysiakini.com/news/636488">https://m.malaysiakini.com/news/636488</a>	MALAYSIAKINI
22-Sep	KPDNHEP, platform e-dagang bekerjasama bendung penjualan minyak masak dalam talian	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-platform-e-dagang-bekerjasama-bendung-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-382022%3famp=1">https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdnhep-platform-e-dagang-bekerjasama-bendung-penjualan-minyak-masak-dalam-talian-382022%3famp=1</a>	ASTROAWANI
22-Sep	KPDNHEP, e-commerce platforms collaborate to curb online sales of cooking oil	<a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2122245">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2122245</a>	BERNAMA
22-Sep	151 iklan jual minyak masak secara atas talian dinyahturun	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/151-iklan-jual-minyak-masak-secara-atas-talian-dinyahturun/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/151-iklan-jual-minyak-masak-secara-atas-talian-dinyahturun/</a>	UM
22-Sep	KPDNHEP komited bendung jual minyak masak dalam talian	<a href="https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/47328-kpdnhep-komited-bendung-jual-minyak-masak-dalam-talian">https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/47328-kpdnhep-komited-bendung-jual-minyak-masak-dalam-talian</a>	BERITARTM
22-Sep	Awas penjual minyak masak dalam talian!	<a href="https://my-tv.online/2022/09/21/awas-penjual-minyak-masak-dalam-talian/">https://my-tv.online/2022/09/21/awas-penjual-minyak-masak-dalam-talian/</a>	MYTVONLINE
22-Sep	KEMPEN BELI BARANGAN MALAYSIA   KPDNHEP Sasar Jualan Meningkat 2.5% Tahun Ini	<a href="https://youtu.be/I0UZfzM6IYE">https://youtu.be/I0UZfzM6IYE</a>	BULETINTV3
22-Sep	Selaras kerjasama KPDNHEP, PDRM, SKMM banteras scammer	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/selaras-kerjasama-kpdnhep-pdrm-skmm-banteras-scammer/">https://www.utusan.com.my/nasional/2022/09/selaras-kerjasama-kpdnhep-pdrm-skmm-banteras-scammer/</a>	UM

22-Sep	KPDNHEP selaraskan maklumat PDRM, SKMM banteras scammer	<a href="https://www.kosmo.com.my/2022/09/21/kpdnhep-selaraskan-maklumat-pdrm-skmm-banteras-scammer/">https://www.kosmo.com.my/2022/09/21/kpdnhep-selaraskan-maklumat-pdrm-skmm-banteras-scammer/</a>	KOSMO
22-Sep	Selaras kerjasama KPDNHEP, PDRM, SKMM banteras scammer	<a href="https://www.melaysiakini.com/selaras-kerjasama-kpdnhep-pdrm-skmm-banteras-penipuan-dalam-talian-56792.html">https://www.melaysiakini.com/selaras-kerjasama-kpdnhep-pdrm-skmm-banteras-penipuan-dalam-talian-56792.html</a>	MELAYSIKINI
22-Sep	20,000 aduan diterima KPDNHEP melibatkan jenayah dalam talian	<a href="https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/47354-20-000-aduan-diterima-kpdnhep-melibatkan-jenayah-dalam-talian">https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/47354-20-000-aduan-diterima-kpdnhep-melibatkan-jenayah-dalam-talian</a>	BEIRTARTM
22-Sep	8,000 kes penipuan dalam talian sepanjang pandemik – KPDNHEP	<a href="https://www.melakahariini.my/8000-kes-penipuan-dalam-talian-sepanjang-pandemik-kpdnhep/">https://www.melakahariini.my/8000-kes-penipuan-dalam-talian-sepanjang-pandemik-kpdnhep/</a>	MELAKAHARINI
22-Sep	SELEWENG MINYAK MASAK KPDNHEP TIDAK AKAN BERKOMPROMI	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/884213/seleweng-minyak-masak-kpdnhep-tidak-akan-berkompromi">https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2022/09/884213/seleweng-minyak-masak-kpdnhep-tidak-akan-berkompromi</a>	HM
22-Sep	KPDNHEP, Platform e-Dagang Perkasa Kerjasama Banteras Penjualan Minyak Masak Atas Talian	<a href="https://www.getaran.my/artikel/semasa/31359/kpdnhep-platform-e-dagang-perkasa-kerjasama-banteras-penjualan-minyak-masak-atas-talian">https://www.getaran.my/artikel/semasa/31359/kpdnhep-platform-e-dagang-perkasa-kerjasama-banteras-penjualan-minyak-masak-atas-talian</a>	GETARAN
22-Sep	151 iklan jual minyak masak secara atas talian dinyahturun	<a href="https://wartaoriental.com/2022/09/21/151-iklan-jual-minyak-masak-secara-atas-talian-dinyahturun%E2%82%AC/">https://wartaoriental.com/2022/09/21/151-iklan-jual-minyak-masak-secara-atas-talian-dinyahturun%E2%82%AC/</a>	WARTAORIENTAL
22-Sep	KPDNHEP bendung jual minyak masak dalam talian	<a href="https://www.edisi9.com.my/2022/09/kpdnhep-bendung-jual-minyak-masak-dalam-talian/">https://www.edisi9.com.my/2022/09/kpdnhep-bendung-jual-minyak-masak-dalam-talian/</a>	EDISI9
22-Sep	Jual minyak masak dalam talian boleh dikenakan tindakan	<a href="https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/222272">https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/222272</a>	SH